

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

CSK302 - Sistem Maklumat Perdagangan

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 4 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Berikan keterangan ringkas tentang objektif, fungsi dan ciri-ciri bagi 3 daripada sebutan-sebutan berikut:

- (i) IT
- (ii) IRM
- (iii) DP
- (iv) DSS

(25/100)

(b) Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjadikan proses pengintegrasian sistem-sistem berjalan lancar (mudah dilaksanakan)?

(20/100)

Jawab (c) ATAU (d)

(c) Perancangan jangka panjang ISP untuk Jabatan MIS tidak perlu dijalankan kerana teknologi maklumat berkembang dengan pesatnya. Bincangkan.

(20/100)

(d) Apakah masalah-masalah yang biasanya dihadapi di dalam proses ISP?

(20/100)

...2/-

Jawab (e) ATAU (f)

(e) Apakah yang dimaksudkan dengan CSF? Terangkan bagaimana ia dapat memberikan sumbangan di dalam proses perancangan sistem.

(20/100)

(f) Apakah yang dimaksudkan dengan Grid Strategik? Terangkan bagaimana ia dapat membantu di dalam operasi sistem maklumat.

(20/100)

(g) Bincangkan secara ringkas tentang kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pengurus-pengurus MIS yang ada kaitan dengan teknologi maklumat.

(15/100)

2. (a) Bincangkan tentang kesan perkembangan-perkembangan berikut terhadap bidang MIS:

(i) konsep IRM

(ii) perkembangan teknologi komputer peribadi

(iii) wujudnya piawaian hardwer dan softwer

(iv) virus komputer

(60/100)

(b) Salah satu daripada masalah utama yang dihadapi oleh pengurus MIS di dalam menguruskan operasi MIS ialah berlakunya banyak perletakan jawatan kakitangan MIS. Bincangkan bagaimana masalah ini boleh diatasi.

(20/100)

(c) Setiap bulan Syarikat Telekom mencetak beribu-beribu bil telefon. Adakah bil telefon ini merupakan suatu data atau maklumat? Bincangkan.

(10/100)

...3/-

(d) Di dalam analisis kajian ISP, terangkan matrik(-matrik) yang boleh digunakan di dalam analisis/aktiviti berikut:

- (i) menentukan sokongan maklumat dalam tugas seseorang eksekutif dalam sesuatu organisasi.
- (ii) untuk membangunkan senibina maklumat
- (iii) mengenalpastikan kakitangan yang perlu ditemuduga.

(10/100)

3. (a) Berikan keterangan ringkas tentang sebutan-sebutan berikut:

- (i) pemprototaip
- (ii) kitarhayat pembangunan sistem
- (iii) pengoptimuman

(20/100)

(b) Pada masa kini terdapat banyak pakej-pakej sistem penerapan yang dipasarkan; sungguhpun begitu masih terdapat lagi syarikat-syarikan yang membelanjakan banyak wang dan masa untuk membangunkan sistem-sistem mereka sendiri. Dalam keadaan bagaimanakah anda akan memilih untuk membangunkan perisian; dan dalam keadaan bagaimanakah anda akan memilih pakej-pakej perisian yang telah siap?

(20/100)

(c) Berikut ialah syarat-syarat penamaan calon untuk Persatuan Pelajar:

"...Hanya pelajar-pelajar yang berdaftar sepenuh masa sahaja boleh dicalonkan untuk bertanding di dalam pilihanraya Persatuan Pelajar untuk menjadi wakil. Tiada seorang pelajar yang keputusan perbicaraan tatatertib terhadapnya masih ditunggu, atau yang telah didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib, boleh dipilih menjadi calon; melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Pengetua. Seorang pelajar yang belum lagi masuk peperiksaan yang pertama juga tidak dibenarkan bertanding."

Lukiskan sebuah sifir jadual keputusan bagi melambangkan proses di atas.

(20/100)

...4/-

- (d) Terangkan tentang langkah-langkah yang anda akan ambil untuk menghadapi/menguruskan keadaan-keadaan berikut:
- (i) penerapan "portfolio x" yang berada di dalam grid strategik pada Grid Strategik MIS
 - (ii) fungsi MIS berada di peringkat kawalan di dalam teori berperingkat Norlan
 - (iii) sokongan komputer yang cekap dan baik merupakan CSF organisasi.

(40/100)

...ooOoo...